

BAB 5

PERINGKAT REMAJA

5.1 Pendahuluan

Peralihan peringkat sosial dalam kehidupan melibatkan penukaran penting pada status dan peranan individu. Perubahan peranan yang berlaku secara berperingkat-peringkat akan memperlihatkan perubahan dalam setiap aspek kehidupan, meliputi perlakuan, pemikiran, hak dan tanggungjawab serta jangkaan daripada masyarakat. Peringkat remaja sering kali dilihat oleh para pengkaji sebagai menampakkan kontradiksi yang tidak dapat difahami dan sukar untuk diselesaikan. Ini disebabkan pada peringkat remaja, mereka terpaksa menghadapi peranan, jangkaan dan harapan yang baru yang tidak bersesuaian dengan peranan dan harapan semasa di peringkat budak, dan pada masa yang sama terpaksa memperkuuhkan identiti dan memikul tanggungjawab terhadap masyarakat, keluarga dan masa depannya sendiri.

Dalam bab ini akan dijelaskan status remaja Melayu dalam sistem sosial masyarakat di Pulau Tuba. Remaja cuba dilihat sebagai satu fenomena budaya yang mewujudkan cara hidupnya sendiri meliputi peranan dan

tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan keluarga. Turut ditinjau ialah jangkaan serta harapan masyarakat dan keluarga ke atas mereka, tanggapan mereka terhadap diri sendiri serta corak pembudayaan yang diterima pada peringkat ini.

5.2 Baligh

Baligh¹ adalah masa peralihan biologi dan sosial di antara peringkat budak dengan zaman remaja. Hasil daripada kajian didapati anak lelaki dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba mencapai tahap baligh dalam lingkungan usia 12 tahun hingga 15 tahun. Sementara anak perempuan mencapai tahap baligh lebih awal daripada itu, iaitu di antara usia 9 tahun hingga 12 tahun. Petunjuk bagi seseorang lelaki yang telah mencapai tahap baligh ialah bermimpi mengeluarkan mani, sementara petunjuk yang digunakan untuk anak perempuan ialah pengalaman pertama kali didatangani haid (datang bulan).

Petunjuk sosial tentang baligh adalah tidak jelas kerana masyarakat di sini tidak menjalankan sebarang upacara khas untuk menghadapi tahap peralihan

¹ Dari sudut agama, baligh ertiya berakal. Anak yang telah baligh telah menjadi mukalaf dan mempunyai tanggungjawab tersendiri terhadap perintah Allah dan laranganNya.

ini. Mimpi menghairahkan yang dialami oleh anak lelaki di malam hari tidak dihiraukan dan tidak pernah diambil kisah sama ada untuk memberitahu atau membincangkan peristiwa tersebut dengan sesiapa walaupun bapa sendiri.

Bagi masyarakat di sini, perbincangan terbuka tentang hal-hal yang berkaitan dengan kejantinaan (seks) adalah dilarang dan dianggap sebagai satu perkara kotor, geli dan menjijikkan kerana membawa pengertian senggama dan alat kelamin seseorang. Oleh itu membincangkan tentang seks di kalangan orang Melayu di sini tanpa memperhitungkan umur mereka adalah sesuatu yang dianggap lucu dan mencarut. Mereka merasa malu apabila berbincang mengenai seks. Ibu bapa sendiri menyekat perbincangan terbuka dengan anak-anak mereka terutama yang belum berkahwin, tentang seks, baligh dan perkahwinan.

Walaupun begitu, mereka yang telah berkahwin didapati lebih bebas untuk berbual dan bergurau tentang seks tetapi terhad kepada orang tertentu yang biasa dikenali dan rapat hubungan dengan mereka sahaja. Perbincangan tentang seks di kalangan anak lelaki yang belum berkahwin didapati hanya berlaku di peringkat rakan sebaya secara tertutup dan penuh rahsia. Keadaan

sedemikian hampir tidak berlaku pada anak perempuan yang belum berkahwin kerana perasaan malu yang tinggi.

Walau bagaimanapun, Imam dan guru agama masih diberi kelonggaran untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan seks dalam majlis-majlis bercorak keagamaan seperti khutbah Jumaat, ceramah agama atau soal jawab agama.

Pada umumnya, ibu bapa Melayu di Pulau Tuba tidak berbual dan berbincang dengan anak mereka tentang seks sebagai persediaan untuk menghadapi baligh, zaman remaja dan gerbang perkahwinan sehingga anak-anak mereka menempuh dan mengalami sendiri tahap-tahap tersebut. Tunjuk ajar paling minimum yang didapati sama ada dari ibu, bapa, datuk atau nenek adalah berupa larangan bukannya panduan untuk diketahui oleh seseorang remaja sebagai persediaan yang perlu untuk menghadapi tahap-tahap tersebut.

Kedatangan haid yang dialami oleh anak perempuan hanya dibincangkan dengan ibu secara tertutup dan penuh rahsia. Lampin² yang digunakan semasa tempoh kedatangan haid perlu disorok di tempat yang tersembunyi

² Lampin ialah kain yang digunakan untuk mengelakkan pengaliran darah haid. Lampin diperbuat daripada kain batik yang tidak lagi digunakan sebagai pakaian, boleh dicuci dan digunakan semula.

dan jauh daripada pengetahuan anak lelaki dan anak perempuan yang belum baligh. Anak perempuan akan ditegur dan di marahi jika didapati meletakkan lampin di merata tempat sehingga diketahui oleh anak lelaki atau anak perempuan yang belum baligh. Sementara anak perempuan yang memakai tuala berpelekat pakai dan lupus yang dibeli di kedai hanya perlu membuang ke tempat yang sukar ditemui oleh orang lain.

Lazimnya anak lelaki yang mencapai tahap baligh telah pun bersunat.³ Dalam masyarakat yang dikaji, bersunat bukanlah upacara untuk diterima masuk ke alam remaja tetapi hanya sebagai memenuhi suruhan agama. Tiada ketentuan tentang bila masanya anak lelaki perlu disunatkan. Anak lelaki biasanya bersunat ketika hampir mendekati usia baligh, iaitu sebelum usia menccah 13 tahun, atau lebih awal daripada itu, iaitu apabila anak telah bersedia untuk disunatkan. Upacara sunat kerap kali dilakukan secara berkumpulan. Oleh itu bagi kes-kesanak yang bersunat lebih awal, lazimnya bertujuan untuk disekalikan dengan saudara yang lebih tua atau anak-anak jiran sekampung.

³ Bersunat atau masuk jawi ialah upacara memotong bahagian kulit yang menutup kepala kemaluan.

Upacara bersunat dijalankan oleh **mudim kampung** (Tok Mudim) yang didatangkan dari Pulau Langkawi, biasanya di musim cuti persekolahan. Kenduri kecil diadakan dengan menjemput saudara mara yang tinggal berhampiran, kawan-kawan dan jiran-jiran yang rapat sahaja. Anak-anak yang akan bersunat sering disogok dengan anggapan bahawa bersunat sebagai satu ujian kelakian atau permulaan dalam kehidupan orang dewasa, iaitu kesanggupan mereka untuk menghadapi kesakitan dan cabaran hidup.

Walau bagaimanapun, upacara bersunat ke atas anak perempuan tidak sebegitu penting sebagaimana yang berlaku ke atas anak lelaki. Kadang kala peristiwa bersunat yang dialami oleh anak perempuan tidak pernah diketahui dan disedari oleh ahli keluarga terutamanya lelaki kecuali bapa. Anak perempuan bersunat semasa masih kecil, biasanya sebelum mencecah usia 2 tahun. Upacara bersunat yang ringkas dijalankan oleh bidan kampung (Tok Bidan) di rumah bidan itu sendiri dengan ditemani sama ada oleh ibu, nenek atau ibu saudara tanpa disertai sebarang jamuan atau kenduri.

5.3 Status Remaja Melayu

Anak yang baligh dikatakan sudah besar panjang dan bergelar anak teruna bagi lelaki dan anak dara bagi perempuan. Walaupun tiada keratan rentas yang digunakan oleh masyarakat Melayu Pulau Tuba untuk membezakan peringkat budak dengan peringkat remaja, namun dapatlah dikatakan bahawa remaja sebagai satu keadaan dan waktu apabila seseorang anak secara sedar dapat membezakan dirinya antara zaman budak dengan alam memasuki dewasa. Pada peringkat ini juga mereka tidak suka digelar budak. Keremajaan dalam sistem sosial masyarakat Melayu adalah dihubungkan secara langsung dengan proses mencapai kematangan kejantinaan (sexual maturity) (Zainal Kling; 1976:40). Anak yang sudah besar panjang mempunyai sensitiviti terhadap perubahan pada tubuh badannya. Oleh itu, mereka dilihat tidak selesa bertingkah laku seperti budak-budak. Mereka merasa malu untuk bermain dan melompat seperti budak-budak terutamanya anak perempuan.

Contoh kes:

Nora (13 tahun) mula merasa malu (segan) untuk berlari dan melompat ketika bermain-main dengan anak-anak jirannya apabila mendapati berlaku perubahan pada bentuk tubuh badannya. Perubahan yang paling ketara ialah pada bahagian paha, punggung dan tetek, yang semakin membesar dan berisi.

Walaupun begitu kematangan kejantinaan dan fizikal bagi masyarakat di sini bukan sekadar mencapai kepada saiz tubuh badan manusia dewasa atau besar saja, tetapi yang lebih penting daripada itu ialah keupayaan individu untuk berfikir, berperasaan, bertingkah laku seperti orang dewasa. Oleh kerana itu anak perempuan yang memiliki bentuk badan yang besar tetapi belum mencapai tahap kematangan kejantinaan hanya dikatakan macam anak dara. Sementara anak-anak yang masih kecil tetapi kadang kala bertingkah laku seperti orang dewasa dikatakan "macam orang tua-tua."

Peralihan peringkat kehidupan daripada peringkat budak kepada peringkat remaja bukan sahaja memperlihatkan perbezaan fizikal tetapi merangkumi perbezaan akal, peranan sosial dan emosi. Proses pertumbuhan dan perkembangan fizikal yang dialami selepas tahap baligh adalah dihubungkan dengan perubahan peranan dan tanggungjawab, perkembangan akal dan pembangunan sosial yang melambangkan kedewasaan. Menurut Erikson;

"Orang muda [remaja] harus melengkapkan dirinya sebagai manusia yang dicirikan oleh berbagai-bagai perubahan di dalam perkembangan fizikal, kematangan sosial dan kesedaran sosial. Bagi melengkapkan diri sebagai manusia, golongan muda harus mengalami kesinambungan progresif di antara apa yang dapat diperolehi pada zaman kanak-kanak dengan cita-cita masa depannya, di antara apa yang dia perolehi

sendiri dengan apa yang diharapkan daripada orang lain, dan di antara apa yang orang lain lihat pada dirinya dengan apa yang mereka harapkan daripadanya."
(dipetik dari Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar; 1992: 82)

Anak yang sudah besar panjang bukan sekadar wajib memikul tanggungjawab keagamaan semata-mata, yang lebih penting daripada itu ialah keupayaan untuk memenuhi harapan dan jangkaan daripada masyarakat terhadap status dan peranan mereka dalam kehidupan sosial. Anak yang telah mencapai tahap baligh, tidak lagi dilihat sebagai anak kecil yang patut dilayan seperti budak-budak. Oleh itu, pada tahap peralihan daripada peringkat budak kepada peringkat remaja, anak yang telah mencapai tahap baligh seringkali ditegur dan disedarkan tentang status baru mereka. Semasa kajian dilakukan, saya sering mendengar anggota keluarga yang telah dewasa menegur anak yang sudah baligh dengan kata-kata, "Hang bukan kecik lagi, dah besar panjang." Ungkapan ini diucapkan setiap kali anak yang sudah baligh tetapi masih bertingkah laku seperti budak-budak. Kesedaran tentang peralihan peringkat hidup ini semakin jelas dirasai oleh anak-anak apabila mereka tidak lagi dilayan seperti budak-budak oleh anggota keluarga yang lain. Walaupun begitu, orang dewasa masih menggunakan istilah budak untuk tujuan merujuk terutamanya remaja yang masih bersekolah, dirujuk

sebagai budak sekolah. Ibu bapa mengharapkan anak yang sudah besar panjang supaya dapat menonjolkan pola-pola perlakuan dan perangai yang memperlihatkan kematangan sebagaimana orang dewasa. Pola perlakuan mestilah bersesuaian dengan peringkat umur mereka dan bukannya tingkah laku seperti budak-budak (macam budak-budak), mereka diharapkan dapat berfikir (ada otak), iaitu mampu membezakan di antara apa yang baik dengan buruk, benar dengan salah dan bertindak mengikut nilai yang telah ditentukan dan diperolehi dalam proses pembudayaan ketika peringkat budak, bukannya bertindak mengikut perasaan (ikut hati).

Walau bagaimanapun, kematangan fizikal lazimnya lebih cepat dicapai berbanding kematangan sosial dan akal. Maka pada tahap awal keremajaan anak-anak berada di persimpangan, antara zaman budak dengan zaman dewasa. Anak dilihat sering menjadi bahan kritikan keluarga, masih dimarahi dan diberi teguran kerana kadang kala bertingkah laku dan berperangai seperti budak-budak walaupun sudah besar panjang.

Sebenarnya, dalam masyarakat yang dikaji, tiada perbezaan yang begitu ketara dari aspek sosial di antara remaja dengan orang dewasa. Hanya perkahwinan sebagai faktor yang memisahkan peringkat remaja dan dewasa.

Orang yang telah berkahwin dikatakan memasuki alam dewasa dan mencapai status dewasa. Ini disebabkan orang yang telah berkahwin telah menyandang status baru dalam kehidupan sosial dengan tanggungjawab sosial yang lebih besar ke atas keluarga, rumah tangga dan penglibatan dalam masyarakat (ada tanggungjawab). Anak dara dan anak teruna dirujuk kepada anak perempuan dan anak lelaki yang belum berkahwin atau orang bujang.⁴ Orang bujang dikatakan masih tiada tanggungjawab.

Berdasarkan faktor tanggungjawab, didapati konsep tanggungjawab remaja masih longgar dan tidak jelas terutama anak lelaki, sama ada dalam masyarakat atau keluarga. Mereka masih boleh mengelak daripada memikul tanggungjawab dan cuba menjauhkan diri daripada menghadapi konflik. Sebaliknya masyarakat di sini melihat remaja sebagai mempunyai kecenderungan kepada perkara-perkara yang mendatangkan keseronokan diri (tau seronok saja). Konfrantasi antara nilai masyarakat dan realiti kehidupan yang dialami menyebabkan mereka memilih perkara-perkara yang menyeronokkan sahaja (ikut hati). Walaupun mereka tahu ia bertentangan dengan nilai murni masyarakat.

⁴ Bujang dalam masyarakat yang dikaji juga merujuk kepada lelaki atau perempuan yang telah bercerai. Dalam tulisan ini orang bujang digunakan untuk merujuk lelaki atau perempuan yang belum pernah berkahwin.

Contoh kes:

Alias (17 tahun) telah merancang untuk ke Setoi (Satun, Thailand) bersama kawan-kawannya. Pada hari yang sama bapa saudaranya (di Pulau Tuba) membuat kenduri kesyukuran. Walaupun menyedari bahawa mengambil berat terhadap saudara mara, iaitu membantu atau sekurang-kurangnya menunjukkan muka adalah nilai yang baik namun dia membuat keputusan untuk bersama kawan-kawannya.

Ini juga disebabkan mereka masih berada di bawah perlindungan dan tanggungjawab ibu bapa. Bagi anak lelaki, keperluan untuk mendapat pekerjaan dan sumber pendapatan yang tetap masih belum begitu mendesak dan penting kerana orang bujang masih boleh mengharap ibu bapa untuk menanggung beberapa bentuk keperluan terutamanya dari segi makan minum dan tempat tinggal berbanding dengan mereka yang mempunyai keluarga sendiri yang terpaksa menanggung anak bini. Sementara anak dara bertindak sebagai pembantu yang serius kepada ibunya dalam urusan domestik keluarga orientasinya tetapi bagi mereka yang telah berkahwin bertindak sebagai pengurus rumah tangga yang utama bagi keluarga proekriasinya.

Dalam sistem sosial masyarakat Melayu di Pulau Tuba, seseorang anak yang telah mencapai tahap baligh telah diterima sebagai orang dewasa. Masyarakat memberi peluang kepada anak-anak untuk menyertai dan

bersama-sama dengan orang dewasa dan menyandang peranan orang dewasa. Mereka dibenar untuk mengkritik dan memberi sumbangan kepada dunia orang dewasa. Oleh itu konsep keremajaan dalam masyarakat yang dikaji bermakna individu yang sudah baligh dan telah bersedia memegang peranan dan status orang dewasa. Remaja telah diberi pengiktirafan dalam bidang-bidang tertentu tetapi semua ini bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kemahiran yang ada pada mereka. Walaupun begitu remaja yang masih bersekolah tidak bersedia memikul peranan sedemikian kerana mereka masih dianggap sebagai budak sekolah. Keperluan untuk berada di sekolah juga telah melambatkan proses menyandang peranan orang dewasa.

Contoh kes:

Amer (19 tahun) masih bersekolah dan tinggal di asrama. Beliau pulang ke Pulau Tuba pada setiap cuti hujung minggu dan cuti penggal persekolahan. Sepanjang pemerhatian saya, didapati ketika berinteraksi dengan orang dewasa beliau lebih banyak berdiam diri, mendengar kata dan akur dengan perkara yang diperbincangkan (iaitu pola-pola interaksi di peringkat budak). Fenomena ini bukan sahaja berlaku pada beliau, tetapi beberapa orang lagi rakan-rakannya yang masih bersekolah. Sedangkan Taufek (sudah bekerja) yang sebaya dengannya, diberi peluang untuk memberi pendapat, membantah dan mengkritik orang yang lebih tua daripadanya.

Remaja boleh dianggap sebagai satu tempoh persediaan dunia dewasa atau proses pendewasaan. Keremajaan adalah tempoh masa anak-anak mendapat latihan dan persiapan untuk meneruskan kehidupan mereka di masa depan, iaitu kehidupan sosial sebagai anggota masyarakat dan berperanan seperti orang dewasa. Anak yang sudah besar panjang berperanan mempersiapkan diri memikul tanggungjawab untuk masa depannya, persediaan untuk berkahwin dan membentuk rumah tangganya sendiri.

Jika pada peringkat budak, anak diletakkan di bawah perhatian dan perlindungan keluarga. Kebanyakan masa dalam kehidupan harian anak, sama ada untuk tujuan keperluan sosial, kemesraan dan fisiologi diatur, ditentu dan diselia oleh keluarga. Anak yang telah besar panjang pula melihat dan mengendalikan masa depannya sendiri. Mereka diharapkan dapat berfikir, bertindak dan mengatur kehidupan sendiri. Mereka tidak lagi dilihat sebagai anak kecil yang perlu diatur segala keperluan hidup, sebaliknya perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial yang dihadapinya di samping menjawab setiap soalan yang dahulunya dijawab oleh keluarga. Mereka boleh menentukan perjalanan hidup sendiri sama ada dalam bidang keagamaan, pekerjaan ataupun sosial.

Pada peringkat remaja berlaku pertukaran set perhubungan, iaitu anak perlu membebaskan diri daripada ibu bapa. Walaupun pada hakikatnya anak perlu rapat dengan ibu bapa tetapi dalam masa yang sama tidak perlu banyak bergantung kepada ibu bapa. Mereka belajar bagaimana hendak menghadapi dan menyelesaikan sebanyak masalah yang timbul dan mahu membuktikan mereka mampu membuat keputusan tanpa campurtangan daripada keluarga. Anak sentiasa disedarkan oleh ibu bapa tentang kemungkinan hidup tanpa perlu pergantungan sepenuhnya daripada keluarga. Ibu bapa tidak selamanya dapat menongkat langit untuk memberi segala bentuk perlindungan kepada setiap keperluan anak. Oleh itu anak tidak mungkin selamanya dapat bergantung hidup kepada ibu bapa (duduk celah ketiak ibu bapa). Keadaan ini memalukan anak-anak. Seorang anak remaja yang dikatakan masih duduk bawah celah ketiak, merasa malu dan kawan-kawan pula selalu mempersendakannya dengan jolokan "anak manja". Oleh kerana itu proses pembudayaan yang berlaku pada peringkat remaja ialah latihan ke arah hidup berdikari dan mencapai autonomi, iaitu proses berfikir, bertindak dan membuat keputusan sendiri atau boleh diharap. Anak remaja terutamanya lelaki mempunyai masa yang semakin kurang dan melepaskan pergantungan ke atas keluarga di masa-masa tertentu sebaliknya lebih banyak

masa dihabiskan dengan mendampingi rakan sebaya dan masyarakat untuk mencapai tahap berdikari.

Contoh kes:

Mala sering ditegur sama ada oleh ibunya, nenek, ibu saudara, atau kakak yang sudah dewasa apabila setiap kali menyoal sebelum melakukan sesuatu perkara walaupun perkara yang mudah, seperti menggantikan pakaian adiknya. Setiap kali dia gagal berfikir, bertindak dan membuat keputusan sendiri.

Saya sering mendengar mereka menggunakan ungkapan seperti berikut: "dah besar panjang bodo(h) lagi," "Nak menikah esok lusa dok kena berleter lagi," "Cubalah buat sendiri, semua harap orang," "Sampai bila nak harap orang," "esok, kalau orang tak dak, nak harap sapa," atau "semua tak boleh harap, apa yang hang tau."

Walaupun anak yang sudah besar panjang mahu berdikari dan belajar bagaimana hendak menghadapi dan menyelesaikan sebanyak masalah yang timbul namun pergantungan kepada keluarga masih lagi penting terutama anak perempuan dan anak yang masih bersekolah. Anak akan berpaling kepada keluarga pada waktu-waktu tertentu jika melibatkan krisis hidup yang tidak dapat diselesaikan. Mereka masih memerlukan campurtangan, menerima teguran, tunjuk ajar dan nasihat daripada ibu bapa. Pergantungan kepada keluarga semakin penting kerana kesetiaan, ikatan emosi, semangat serta nilai yang kuat terhadap keluarga. Anak masih perlu terikat dengan keluarga sekurang-

kurangnya dari segi ekonomi, keselamatan, perlindungan sosial dan emosi serta sokongan moral.

Anak sudah diberi beberapa kebebasan tertentu walaupun keluarga masih lagi penting. Proses mencapai kebebasan adalah keperluan untuk membantu perkembangan sosial, emosi dan mental. Di dalam proses berdikari, anak perempuan tidak terlalu bebas. Anak perempuan masih mendapat kawalan ketat dari keluarga kerana kadar kebimbangan yang tinggi di samping memenuhi jangkaan masyarakat untuk terperap di rumah. Fenomena ini bertepatan dengan kenyataan Raja Rohana. Menurut beliau;

"Kebebasan di dalam kehidupan anak perempuan amat singkat, iaitu sebelum mereka mengambil alih tugas-tugas sebagai "anak perempuan yang bertanggungjawab" sedangkan pada masa yang sama anak lelaki juga diberi tanggungjawab sedemikian, namun dia masih diberi kesempatan, menikmati kebebasan sehingga sampai waktu dia mengambil alih tugas-tugas keluarga."
(Raja Rohana, 1992: 22)

Proses pembudayaan yang berlaku pada tahap selepas baligh adalah condong kepada peranan dan tanggungjawab orang dewasa dalam hal-hal yang berkaitan dengan nilai, norma, dan sikap yang berkaitan dengan pekerjaan dan tanggungjawab sosial. Anak remaja telah mempunyai orientasi orang dewasa dengan mematuhi standard nilai dan norma orang dewasa. Semasa di peringkat budak

kehidupan seorang anak dipisahkan daripada lingkungan hidup serta aktiviti orang dewasa dan hanya berhubung dengan masyarakat dengan kadar yang paling minima melalui perantaraan keluarga. Sementara anak yang sudah baligh secara beransur-ansur didedahkan bergaul dan menghadapi kehidupan sosial dalam masyarakat (berdunia dengan orang). Anak-anak yang gagal menghadapi kehidupan sosial dalam masyarakat (tak mau berdunia dengan orang) sama ada atas alasan takut atau malu (segan) dikatakan perak. Mereka secara beransur-ansur diterima menjadi anggota penuh dalam masyarakat. Walau bagaimanapun pada tahap ini bentuk perhubungan dalam lingkungan masyarakat serta tugas-tugas komunal lebih bersifat menolong bukannya memikul tanggungjawab.

Kesimpulannya, remaja Melayu dalam masyarakat yang dikaji mempunyai masa yang singkat dan terlalu cepat untuk mempelajari, memperkuuh, dan meinternalisasikan berbagai pengetahuan budaya dan pada masa yang sama perlu merealisasikan imejnya di khalayak ramai supaya dapat bebas daripada alam budak. Bentuk pengetahuan meliputi kemahiran praktikal dan kemahiran sosial untuk menghadapi kehidupan di masa hadapan di samping pada masa yang sama perlu memperkuuhkan nilai dan norma yang diorientasi oleh keluarga di peringkat budak dengan hanya memilih

standard yang diterima oleh kelompok masyarakat yang ditemuinya.

Remaja Melayu menggunakan pengalaman pembudayaan untuk memperluas dan memperkuat perkembangan sosial dengan cara berhubung dengan orang dewasa, menjalankan persahabatan dengan kawan-kawan dan membentuk kumpulan sebaya. Hubungan dengan rakan sebaya menjadi bertambah penting dan bertambah selalu. Anak remaja sudah menerima tanggungjawab untuk membentuk tingkah lakunya sendiri dan buat pertama kali sedar untuk membentuk identiti dan menampilkannya di khalayak ramai.

5.4 Pembudayaan dalam Keluarga Orientasi

Anak yang mencapai tahap keremajaan masih bergantung kepada keluarga, menerima tunjuk ajar, dan teguran sekurang-kurangnya sehingga berkahwin. Anak perempuan dilihat menjalankan kerjasama ekonomi dan emosi dengan keluarga. Anak perempuan diharapkan membantu keluarga terutama bagi keluarga besar. Tugas anak perempuan ialah menolong menguruskan rumah tangga, membasuh pakaian, memasak, mengemas, menjaga adik-adik, membersih rumah dan jika bekerja diharap dapat membantu perbelanjaan keluarga. Anak perempuan di

kawasan kajian dilihat bukan sekadar membantu ibu malahan memikul tanggungjawab yang serius dalam urusan rumahtangga keluarga orientasinya.

Anak perempuan mempelajari peranan kejantinaan semenjak kecil lagi terutama tanggungjawab yang dihubungkan dengan rumahtangga. Tahap pertama mereka mempelajari peranan kejantinaan ialah sewaktu di peringkat budak. Mereka meniru perlakuan ibu dan berlagak seperti ibu dengan menggunakan bahan-bahan tiruan seperti tin kosong mengganti periuk, tanah sebagai beras, daun-daun sebagai sayur-sayuran dan anak patung yang diperbuat daripada kain sebagai anak.

Seperti yang telah dibincangkan pada bab yang lepas, anak perempuan yang belum bersekolah tidak dibebankan dengan tanggungjawab di dapur sebaliknya perlu meninggalkan dapur dan digalakkan menjaga dan bermain dengan adik, kerana pada peringkat ini mereka bertindak mengacau tugas-tugas ibu semasa di dapur. Apabila menjelang umur bersekolah, anak perempuan bertindak membantu ibu dalam kerja-kerja ringan di dapur seperti mengupas bawang, menyiang ikan, memarut kelapa, atau memotong sayur-sayuran. Walaupun begitu, anak-anak dilarang menyediakan masakan walaupun masakan asas untuk diri sendiri seperti mengoreng telor atau ikan.

Kerja-kerja dapur masih dilakukan di bawah pengawasan ibu atau saudara perempuan yang lebih besar.

Pada tahap awal baligh, tanggungjawab dijalankan dengan suruhan dan perintah dan kadang kala atas dasar paksaan. Anak perempuan kadang kala berasa tidak senang dengan suruhan ibu. Ibu sering menegur dan menasihati anak perempuan dengan leteran tentang tanggungjawab perempuan. Tugas-tugas rumah tangga terutamanya memasak mesti dipelajari oleh setiap orang perempuan kerana itu adalah tugas dan tanggungjawab yang tidak dapat dielakkan (setinggi mana pun belajar, akhirnya ke ceruk dapur juga). Anak perempuan yang enggan memikul tanggungjawab ini, atas apa sahaja alasannya dikatakan pemalas (penyegan). Kemahiran menguruskan rumah tangga terutamanya memasak (cekap di dapur) adalah kualiti anak dara yang diutamakan di dalam masyarakat yang dikaji. Kualiti ini berkait secara langsung dengan keutamaan dan penilaian ibu bapa untuk memilih menantu. Oleh itu, ibu atau saudara perempuan sering menasihati anak perempuan yang pemalas dengan ungkapan berikut, "Anak dara kalau penyegan/tak tau masak, nanti jadi anak dara tak laku, kalau dapat laki, laki pun lari."

Walaupun minat untuk melakukan kerja-kerja dapur seperti memasak lahir dari kesedaran kejantinaan tetapi peluang jarang diberikan kepada anak-anak untuk berada di dapur dan memasak sendiri apatah lagi mencuba masakan baru. Kepercayaan dan kebebasan jarang diberikan kepada anak perempuan terutama anak perempuan yang mempunyai kakak yang belum berkahwin. Dalam kes sebegini, anak perempuan akan bertindak sebagai pembantu sahaja. Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati kepercayaan kepada anak perempuan dalam hal masakan hanya diberikan setelah anak perempuan menjalani beberapa kali percubaan dalam keadaan terdesak, iaitu ketika ketiadaan ibu ataupun semasa ibu sakit. Semasa ketiadaan ibu, anak perempuan yang sudah baligh terpaksa memasak untuk bapa dan adik-adiknya, atau sekurang-kurangnya untuk diri sendiri. Daripada pemerhatian yang dilakukan didapati, kebanyakkan anak perempuan yang mencapai tahap baligh belum diberi tanggungjawab untuk memasak kecuali setelah beberapa tahun selepas itu. Walaupun begitu anak perempuan masih perlu ditegur, diingat dan diarah dalam keadaan-keadaan tertentu.

Contoh kes:

Ani berumur 13 tahun tetapi masih lagi disuruh oleh ibunya di waktu-waktu tertentu misalnya disuruh memasak nasi (letak beras) kerana ayahnya akan pulang dari laut untuk makan dan sekali lagi perlu disuruh dan diingat untuk melihat nasi yang dimasak bagi mengelakkan daripada menjadi hangit.

Anak perempuan lebih bergantung kepada keluarga berbanding anak lelaki. Setiap krisis hidup akan diselia oleh ibu bapa. Masyarakat di sini melihat kaum wanita pada lazimnya tidak dapat mencari nafkah sendiri dan sememangnya tidak diharapkan untuk mencari nafkah. Kebebasan mereka juga terhad jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Maka menjadi tanggungjawab keluarga melindungi mereka dan melayan mereka dengan baik (Djamour; 1979: 195). Ibu bapa menghendaki anak perempuan untuk tinggal di rumah kerana mereka menaruh kebimbangan yang tinggi jika anak perempuan mereka berada jauh dari keluarga. Pergerakan dan pergaulan mereka dikawal oleh keluarga terutama dengan lelaki yang tidak mempunyai sebarang pertalian keluarga. Oleh itu sukar bagi ibu bapa untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka keluar dari rumah kecuali untuk tujuan bersekolah dan bekerja sahaja. Keadaan ini akan bertambah penting sekiranya tiada anak perempuan lain yang ada untuk membantu tugas-tugas di rumah.

Contoh kes:

Asiah dibenarkan oleh ibu bapanya bekerja di Pulau Langkawi. Tetapi adiknya tidak dibenarkan meninggalkan rumah untuk tujuan bekerja kerana tiada anak perempuan lain yang dapat membantu keluarga terutama dalam tugas menjaga adik-adik.

Anak perempuan yang belum berkahwin juga dilihat perlu serius dalam tugas-tugas memasak terutama apabila menerima kehadiran tetamu, walaupun tetamu tersebut adalah kakak sendiri. Kakak yang telah berkahwin pula tidak perlu serius untuk membantu kerana dianggap sebagai tetamu.

Kebebasan yang terhad kepada anak perempuan juga disebabkan mereka percaya anak lelaki boleh menjaga dirinya sendiri tetapi sukar bagi anak perempuan untuk berbuat demikian (Djamour 1979: 195). Keadaan yang sama juga berlaku dalam masyarakat Melayu Pulau Tuba. Hal ini berhubung kait dengan kesan yang dihadapi oleh anak perempuan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini akibat pergerakan dan perhubungan yang tidak dikawal. Anak perempuan akan mendapat parut sekiranya berlaku sesuatu yang disebabkan oleh pergaulan bebas.

Ibu bapa menghadapi kesukaran dalam menjaga anak perempuan jika dibandingkan dengan anak lelaki. Ini terbukti dengan kata-kata "daripada menjaga anak perempuan seorang adalah lebih baik menjaga kerbau sekandang". Anak perempuan paling mudah terdedah dengan risiko dan kemungkinan "menconteng arang di muka keluarga". Tingkah laku anak perempuan diberi perhatian utama supaya tidak memalukan keluarga. Terdapat banyak pantang larang yang dikaitkan dengan anak perempuan dalam masyarakat yang dikaji. Pantang larang meliputi setiap aspek dalam tingkah laku seperti cara duduk, berjalan, bercakap, berpakaian, makan dan tidur mereka. Namun, anak yang sudah besar tidak lagi dikenakan hukuman fizikal, sekiranya mereka melakukan perlanggaran tingkah laku atau pantang. Mereka ditekankan supaya menimbang perasaan masyarakat sekeliling dan tahu malu sebelum melakukan sebarang tindakan. "Malu pada orang" dan "Nanti apa orang kata" menjadi dasar kepada setiap tingkah laku.

Terdapat tiga kes anak perempuan hamil sebelum nikah sepanjang saya berada di tempat kajian. Kesemua kes ini melibatkan anak perempuan yang bekerja jauh dari keluarga. Sebaik sahaja berita tentang kehamilan anak diketahui, ibu bapa akan memanggil anak mereka pulang. Ibu bapa berusaha mencari lelaki yang bertanggungjawab

untuk dikahwinkan. Upacara akad nikah dilakukan ketika waktu maghrib iaitu ketika kebanyakan penduduk kampung berada di rumah masing-masing bagi mengelakkan dari pengetahuan orang ramai. Pada malam itu, saya sedang berbual di rumah seorang penduduk. Kelihatan pada ketika itu beberapa orang melintasi tempat saya berbual dalam keadaan yang tergesa-gesa. Saya difahamkan bahawa mereka baru pulang dari masjid setelah selesai upacara akad nikah. Tidak ramai penduduk kampung mengetahui tentang majlis tersebut kerana sememangnya dirahsiakan dari pengetahuan umum. Tiada sebarang majlis perkahwinan dijalankan kerana perkahwinan tersebut hanya bertujuan untuk menutup malu. Penduduk kampung juga mengelak daripada berbincang tentang kejadian tersebut apabila ditanya apakah lagi untuk mengutuk atau menghina keluarga yang terlibat terutama di depan mereka atau saudara mara keluarga tersebut. Bagi masyarakat yang dikaji, peristiwa tersebut amat memalukan tetapi tidaklah sehingga ke tahap menghina keluarga yang terbabit kerana khuatir kejadian yang sama akan berlaku kepada anak sendiri dan menimpa keluarga mereka. Ketika saya cuba mendapatkan reaksi daripada ketua keluarga rumah yang saya kunjungi, beliau berkata, "Biar pi lah, tok sah dok kata apa, kita pun ada anak perempuan".

Anak dara tidak banyak melibatkan diri dengan masyarakat. Ini disebabkan anak dara kurang mobile dan tinggal terperap di rumah dengan menjalankan tugas-tugas domestik sehingga berkahwin (tunggu orang masuk meminang). Anak dara menyertai dan berinteraksi dengan masyarakat dalam keadaan paling terhad. Interaksi mereka hanya melibatkan orang yang biasa dengan mereka seperti saudara mara, jiran-jiran yang selalu datang ke rumah dan rakan sebaya. Mereka tidak mempunyai ramai rakan sebaya. Persahabatan hanya terhad dengan beberapa orang sahaja, namun begitu perhubungan mereka adalah rapat. Interaksi dengan orang yang tidak biasa lebih-lebih lagi yang tidak dikenali jarang berlaku kerana mereka dibelenggu oleh perasaan malu yang menebal. Sekiranya bertemu dengan orang yang tidak dikenali mereka cuba mengelak dan akan beredar dengan segera. Keadaan ini terkecuali bagi mereka yang bekerja sebagai pembantu kedai. Walaupun begitu mereka masih dibenarkan untuk keluar dari lingkungan rumah asalkan berteman dan pulang pada waktu yang sewajarnya, biasanya sebelum masuk waktu maghrib.

Contoh kes:

Nora dan Aishah (sebaya) masih belum pulang dari Pekan Kuah sedangkan hari semakin gelap. Bot penambang terakhir dari Jeti Kuah sudah pun sampai ke Pulau Tuba. Keluarga mereka terutamanya ibu mulai resah dan risau. Ibu Nora menyuruh salah seorang

anggota keluarga menunggu dan bertanya tentang anaknya kepada pemandu-pemandu bot pelancong yang baru pulang dari bekerja. Kebimbangan ibu tetap wujud walaupun setelah mendapat kepastian bahawa anaknya penumpang salah sebuah bot pelancong yang berada di Jeti Kuah. Perasaan bimbang tetap wujud sehingga anaknya berada di depan mata. Nora dan Aishah dimarahi oleh ibu masing-masing kerana perbuatan tersebut menimbulkan kesusahan pada semua pihak.

Kawalan yang ketat dilakukan ke atas anak perempuan sekurang-kurangnya sehingga berkahwin. Ibu bapa akan merasa lapang dan lega apabila anak dara mereka sudah berkahwin. Tanggungjawab ibu bapa ke atas anak perempuan semakin berkurangan kerana diambil alih oleh suami selepas berkahwin.

Anak dara tidak terlibat dalam aktiviti komunal masyarakat seperti majlis perkahwinan atau upacara perkahwinan kecuali jika melibatkan saudara mara yang rapat sahaja. Sepanjang berada di tempat kajian saya menghadiri sepuluh kenduri kecil, enam kenduri besar dan dua kematian. Hasil daripada temubual dan pemerhatian didapati mereka lebih gemar untuk tinggal di rumah sekiranya majlis kenduri atau kematian tersebut tidak melibatkan saudara mara atau kawan-kawan yang rapat.

Contoh kes:

Rohana lebih selesa tinggal di rumah daripada menyertai majlis perkahwinan yang berlangsung di dalam kampungnya. Pada waktu anggota keluarganya yang lain menghadiri kenduri, dia tinggal di rumah berasorangan memasak untuk dirinya sendiri, atau menunggu ibunya membawa pulang makanan (nasi kenduri) di sebelah petangnya.

Jika mereka menyertai kenduri besar seperti kenduri kahwin yang melibatkan saudara mara atau kawan-kawan yang rapat, penglibatan mereka dalam majlis sedemikian amat terhad, iaitu melibatkan tugas-tugas di dalam rumah sahaja, bukannya tugas yang dijalankan oleh wanita dewasa seperti menyediakan bahan-bahan untuk dimasak atau membantu pada beberapa hari sebelum itu. Anak dara hanya melakukan kerja-kerja ringan ketika majlis berlangsung atau malam sebelum itu seperti mengisi bunga telor, mengubah bunga atau meneman pengantin perempuan sahaja. Walau bagaimanapun kenduri kecil seperti bercukur rambut, kenduri aruah atau kenduri kesyukuran, anak dara tidak menyertainya walaupun melibatkan saudara mara yang rapat kecuali jika majlis tersebut dilangsungkan di rumah sendiri.

Lelaki Melayu seperti juga perempuan, semenjak dari kecil telah mempelajari peranan kejantinaan. Walaupun begitu, seperti yang dijelaskan, di waktu anak

perempuan diberi tanggung jawab dalam keluarga, anak lelaki yang telah baligh masih diberi kebebasan oleh keluarga. Kewajipan dan sumbangan anak lelaki dalam aktiviti ekonomi keluarga masih ditahap paling minima. Mereka hanya berfungsi di saat keluarga memerlukan tenaga mereka sahaja. Anak yang mencapai tahap baligh, biasanya masih bersekolah dan diharapkan menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Anak lelaki menghabiskan kebanyakan masa hariannya di luar lingkungan rumah, sama ada untuk tujuan bersekolah atau keperluan sosial. Mereka sering dilihat bercampur dan bergaul dengan masyarakat terutamanya rakan sebaya.

Contoh kes:

Faizal berusia 13 tahun, tetapi dia enggan melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Borang tawaran ke sekolah menengah yang sepatutnya diserahkan kepada bapa, ditandatanganai sendiri di luar pengetahuan keluarganya. Apabila ibu bapanya mengetahui perkara tersebut, mereka tidak menghalang atau memarahi beliau. Menurut ibu bapanya, perkara yang membabitkan pelajaran adalah bergantung kepada keputusan individu yang terlibat. Menurut mereka, "Jika anaknya tidak mempunyai kemauan untuk melanjutkan pelajaran, tiada sesiapapun yang boleh memaksanya untuk belajar." Semenjak daripada itu, kehidupan hariannya dihabiskan bersama kawan-kawan. Beliau dibiarkan tidur sehingga bangun dengan sendiri. Dia boleh keluar dari rumah pada bila-bila masa hanya dengan memberitahu ibunya sahaja. Dia pulang ke rumah hanyalah untuk makan dan tidur sahaja. Dalam usia yang sebegini, ibu bapa tidak mengharapkan anak-anak untuk

bekerja. Anak-anak seusianya hanya diharapkan menumpukan perhatian terhadap pelajaran. Dia dianggap masih belum berkeupayaan untuk bekerja atau mencari makan kerana masih belum berkeupayaan melakukan sebarang pekerjaan dengan sempurna (tak makan cekak). Ibu bapa memberi kebebasan dan membiarkan keadaan ini berlaku sehingga anak dengan sendiri mempunyai kesedaran dan keupayaan untuk bekerja.

Orang bujang memperolehi wang daripada orang tuanya. Mereka tidak diberikan wang belanja tetapi kecuali mereka yang masih bersekolah. Mereka yang tidak lagi bersekolah terpaksa meminta atau diberikan wang sekiranya memerlukan. Kesedaran untuk mencari duit dan bekerja lahir apabila anak-anak tidak lagi bersekolah. Anak yang bersekolah masih boleh mengharapkan keluarga menanggung kehidupan mereka. Anak yang tidak lagi bersekolah mulai merasa segan kerana selalu meminta wang daripada keluarga sedangkan mereka tidak lagi memikul tanggungjawab untuk bersekolah. Kesedaran ini juga menyebabkan mereka mulai terlibat secara langsung dalam ekonomi rumah tangga, sama ada membantu bapa atau bekerja dengan orang lain di luar rumah dan memberi sumbangan kewangan kepada keluarga.

Berdasarkan kajian yang dilakukan di Pulau Tuba, didapati sebilangan besar (28 peratus) anak-anak lelaki responden hanya menerima pendidikan rendah setakat darjah 6 atau melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah

tetapi gagal menamatkan pelajaran sehingga tingkatan 3 (11 peratus) (lihat bab 2). Bagi golongan ini, mereka mewarisi pekerjaan keluarga. Dalam kes sebegini, anak yang masih muda tidak dibenarkan oleh keluarga untuk bekerja di luar Pulau Tuba. Dengan tahap kelulusan yang paling minima mereka tidak mempunyai banyak pilihan kecuali merebut peluang pekerjaan yang terdapat di sekelilingnya. Apa yang lebih penting ialah mereka memperolehi wang tanpa perlu mengharap daripada keluarga lagi. Anak lelaki yang menamatkan persekolahan di peringkat menengah (7 peratus) didapati tidak terlibat dengan aktiviti ekonomi tradisi keluarga sebaliknya mereka keluar dari kampung untuk mencari pekerjaan lain. Terdapat di antara mereka berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat pelancongan yang terdapat di Pulau Langkawi.

Kebanyakan ibu bapa yang ditemui tidak pernah mengharapkan anak-anak untuk mengikut jejak mereka atau mewarisi pekerjaan tradisi mereka. Oleh itu jarang seseorang bapa menyuruh anak-anaknya membantu mereka dalam tugas-tugas sehari-hari tetapi lebih rela melakukan sendiri. Bapa tidak pernah menyuruh anak-anak untuk bekerja sebaliknya mereka yang mempunyai hubungan yang terbuka dan mudah seperti saudara mara, ibu atau orang

luar daripada keluarga sering menegur dan menyuruh anak-anak untuk melakukan sebarang pekerjaan.

Contoh kes:

Badrul selalu disuruh atau dipanggil oleh jiran-jiran atau saudara maranya untuk melakukan sebarang pekerjaan seperti memotong kajar kaki atau kajar kelampong dan lain-lain kerja-kerja ringan tetapi jarang dipanggil atau disuruh oleh bapanya sendiri. Dia sanggup melibatkan diri dengan kerja-kerja ringan walaupun bayaran yang diterima agak rendah. Kadang kala kerja-kerja yang dilakukan tidak diberi bayaran sebaliknya hanya diberi makanan sahaja.

Dalam kes sebegini, didapati kepercayaan ke atas anak untuk melakukan sesuatu pekerjaan sukar diberikan oleh bapa tetapi lebih mudah diperolehi daripada orang lain.

Contoh kes:

Semenjak berusia 8 tahun, Ulun telah dibawa ke laut oleh datuknya, terutama pada cuti sekolah. Dia juga sering bermain di tepi jeti kayu walaupun ibu bapa melarangnya daripada bermain di laut. Di luar pengetahuan ibunya dia menyertai rakan sebaya mengail ikan. Anak yang masih kecil dilarang bermain laut kerana dikhuatiri akan mendatangkan bahaya. Sepanjang pengetahuan penduduk kampung, belum ada kes kematian akibat anak-anak bermain di laut. Ini disebabkan keluarga melarang keras anak-anak bermain di laut tanpa pengawasan orang dewasa. Ketika dia berusia 10 tahun, dia mengikut bapa saudaranya memukat udang terutama ketika bapa saudaranya tidak

mempunyai kawan untuk ke laut, walaupun bapa saudaranya mempunyai anak lelaki yang sebaya dengannya tetapi tidak dibawa untuk membantu. Dia belajar teknik memukat udang melalui percubaan dan tunjuk ajar secara langsung. Kesalahan dalam percubaan tidak dihukum atau dimarahi tetapi diberi tunjuk ajar dan teguran. Setelah beberapa kali dibawa bersama ke laut, Ulun diajak turun sebagai kawan setiap kali kawan yang asal tidak dapat turun ke laut. Dia berbangga jika dapat membawa balik ikan dan hasil tangkapan lain. Secara penuh sedar, Ulun terlibat dalam ekonomi rumah tangga apabila dia tidak lagi bersekolah.

Walaupun orang bujang sudah terlibat dalam ekonomi rumah tangga, namun mereka dianggap masih tiada komitmen dan tanggungjawab terhadap keluarga dan rumah tangga. Apabila mereka berada di luar rumah, mereka tidak perlu tergesa-gesa untuk pulang ke rumah. Kata-kata seperti, "buat apa balik rumah, bukan ada anak bini", sering kedengaran apabila orang bujang menyatakan hasrat untuk pulang ke rumah. Keadaan ini berterusan sehingga mereka berkahwin. Faktor ini juga menyebabkan berlaku pengasingan di antara orang bujang dengan orang yang telah berkahwin terutama apabila orang bujang mulai berinteraksi dengan orang dewasa. Orang bujang dikenali sebagai orang muda kerana mereka tidak terlibat sepenuhnya dengan tanggung jawab orang dewasa.

Pada peringkat budak, kehidupan seseorang anak dipisahkan daripada lingkungan hidup serta aktiviti orang dewasa dan jika berhubung dengan orang dewasa adalah melalui perantaraan keluarga. Anak lelaki yang sudah baligh secara beransur-ansur didedahkan kepada kehidupan sosial masyarakat atau berdunia dengan orang. Mereka secara beransur-ansur dibenar dan diberi peluang untuk memainkan peranan orang dewasa secara berkesan. Mereka diberi peluang untuk belajar, menimba pengalaman, pengetahuan, kepercayaan dan nilai terhadap masyarakat. Anak lelaki diterima menjadi anggota penuh orang dewasa apabila mereka sudah berkemampuan dan mempunyai keupayaan untuk sama-sama memikul tanggungjawab dalam masyarakat. Keadaan ini lebih ketara semenjak mereka mempunyai keupayaan untuk menyara kehidupan sendiri atau sudah pandai cari duit.

Contoh kes:

Taufik dilihat menghabiskan kcbanyakkan masanya bersama orang dewasa dan menyertai aktiviti mereka. Malah dia diberi pengiktirafan oleh orang dewasa dalam bidang-bidang tertentu yang menjadi kemahirannya, seperti kebolehan memperbaiki injin, selain daripada kemampuan untuk melakukan tugas-tugas komunal yang memerlukan tenaga yang banyak. Selain daripada menyumbang kepada masyarakat berdasarkan kemahirannya, beliau juga sudah dapat mengkritik dan kadang kala dilihat memberi arahan kepada orang dewasa.

Walau bagaimanapun, penyertaan orang bujang dalam aktiviti sosial terutama yang bercorak komunal lebih bersifat menolong dan bukannya memikul tanggungjawab dalam masyarakat.

Contoh kes:

Jika ada majlis yang tidak memerlukan tenaga yang ramai seperti kematian atau kenduri kecil tidak menjadi kemestian untuk Nazri atau anak lelaki lain menghadirkan diri walaupun dijemput⁵ kemestian untuk hadir hanyalah ke atas bapanya, selaku ketua keluarga. Walau bagaimanapun, majlis yang memerlukan tenaga yang ramai, seperti perkahwinan dia diharapkan untuk hadir. Sekiranya bapa tidak dapat hadir atas sesuatu urusan yang tidak dapat dielakkan, ibu menyuruhnya hadir untuk bertindak sebagai pengganti bapa atau wakil keluarga. Dalam kes begini, dia akan menyampaikan salam bapanya dan menyatakan sebab bapanya tidak dapat hadir.

Dalam masyarakat di sini, anak lelaki yang sudah baligh terutama anak lelaki yang tertua dalam sesebuah keluarga dianggap sebagai waris iaitu bertanggungjawab menggantikan bapanya dalam tugas-tugas tertentu yang dipikul oleh bapa sepanjang ketiadaan bapa.

⁵ Anak yang belum berkahwin dijemput melalui keluarga orientasinya. Bagi anak yang telah berkahwin jemputan begini tidak dianggap sebagai menjemput kerana melibatkan dua keluarga yang berasingan. Jemputan mestilah disampaikan secara langsung atau diwakilkan kepada sesiapa untuk menyampaikan jemputan tersebut.

5.5 Komunikasi dalam Keluarga

Perhubungan anak bujang dengan ibu bapa masih berdasarkan bentuk yang sama, seperti di peringkat budak. Pola komunikasi dalam keluarga masih terikat atas dasar taat dan hormat. Tanda hormat dan taat ditunjukkan melalui perlakuan, bahasa dan menurut kata. Walau bagaimanapun, sebilangan anak yang sudah besar tidak lagi menggunakan perkataan "cek" sebagai ganti nama diri pertama apabila berinteraksi dengan ibu bapa dan orang dewasa. Ada yang berterusan menggunakan perkataan cek dan sebilangan besar anak menggunakan nama atau pangkat dalam keluarga ketika berinteraksi dengan ibu bapa dan kadang kala langsung tidak menggunakan bahasa diri untuk merujuk.

Perubahan dalam corak hubungan berlaku ketika anak berada di peringkat remaja. Corak hubungan yang berbeza dikesan di antara hubungan ibu dengan anak-anak dan hubungan bapa dengan anak-anak. Corak hubungan di antara ibu dengan anak-anak didapati rapat, mesra, dan melibatkan ikatan emosi yang kuat dan mendalam, iaitu lanjutan daripada corak hubungan semasa di peringkat budak. Walaupun begitu, kemesraan seseorang ibu jarang diterjemahkan dengan perlakuan tetapi melalui bentuk layanan yang diberikan, seperti menyediakan makanan yang

disukai oleh anak-anaknya. Ibu didapati sering menyebut dan menceritakan perihal anak-anaknya terutama ketika berbual dengan jiran-jiran, dan kadang kala bermimpi jika agak lama tidak manatap muka anaknya.

Contoh kes:

Som boleh merasai kesusahan atau perasaan tidak sedap hati setiap kali anak-anak yang tinggal berjauhan ditimpa kesusahan atau sesuatu perkara yang tidak baik menimpa anaknya. Konsep berasa bukan terbit dari fikiran tetapi gerakan hati atau terlintas ingatan disebabkan pertalian emosi yang kuat.

Hubungan di antara ibu dengan anak-anak tidak memperlihatkan jarak sosial. Hubungan yang mudah, mesra dan bertolak ansur lebih kerap berlaku dalam hubungan sehari-hari mereka, terutama dengan anak perempuan. Anak perempuan mempunyai banyak masa tinggal terperap di rumah untuk membantu ibu dalam urusan sehari-hari di dapur. Seorang ibu dengan anak perempuan dilihat sentiasa bergurau dan berbincang tentang sesuatu perkara terutama hal yang berkaitan dengan dunia kewanitaan dan keluarga mereka. Lebih banyak bentuk hubungan tolak ansur berlaku dalam interaksi sehari-hari mereka. Jika ibu sibuk di dapur, anak perempuan akan ke perigi untuk membasuh pakaian dan jika ibu sibuk melayan adik-adik atau tetamu, anak perempuan akan ke dapur untuk memasak. Di waktu

petang, ketika mereka tidak terlalu sibuk dengan urusan rumah tangga, mereka menghabiskan masa yang terluang untuk berbual-bual dengan disertai saudara mara dan jiran-jiran yang tinggal berdekatan. Walau bagaimanapun, jika terdapat orang dewasa atau saudara mara yang mereka tidak biasa, mereka akan beredar atau disuruh masuk ke dalam rumah dengan melakukan kerja-kerja tertentu supaya tidak mencampuri perbincangan orang dewasa (menyampok).

Dalam keluarga Melayu, ibu bertindak sebagai perantara dan saluran hubungan di antara anak-anak dengan bapa sementara suami hanya mengetahui perkembangan setiap orang anak-anaknya melalui laporan isterinya. Jika melibatkan sesuatu krisis hidup, anak tidak terus menyampaikannya kepada bapa sebelum diberitahu kepada ibu terlebih dahulu. Anak-anak juga jarang meminta sesuatu daripada bapa, kecuali melalui perantaraan ibu. Dalam menghadapi krisis hidup yang penting, iaitu melibatkan keluarga, masa depan dan kebajikan anak-anak, ayah biasanya memanggil anak sama ada untuk bertanya, berbincang dan seterusnya memberi nasihat, teguran dan keputusan. Perbincangan dengan anak berlaku dalam keadaan formal. Krisis hidup yang penting biasanya tidak diketahui oleh bapa melalui anaknya sendiri tetapi melalui orang lain yang lebih rapat dengan anak. Kadang

kala keputusan yang dibuat oleh bapa juga tidak disampaikan terus kepada anak tetapi melalui perantaraan ibu. Setiap tindakan yang melibatkan kebajikan dan masa depan anak dan keluarga mestilah mendapat restu daripada ibu bapa terlebih dahulu. Anak tidak dibenarkan bertindak sendiri kerana mereka masih di bawah tanggungjawab keluarga.

Contoh kes:

Faizal memberitahu ibunya yang dia berhasrat mencari pekerjaan di bandar. Ibunya tidak dapat membuat keputusan kerana perkara tersebut perlu diberitahu dan mendapat persetujuan daripada bapa terlebih dahulu. Ibunya menyampaikan perkara tersebut kepada bapa. Keesokan harinya, Faizal dipanggil oleh bapanya dan disuruh berfikir terlebih dahulu, dan sekiranya keputusan tersebut adalah baik, Faizal dibenarkan meninggalkan keluarga untuk mencari pekerjaan di luar Pulau Tuba.

Dalam hal-hal tertentu anak-anak dibenarkan membuat keputusan sendiri itupun setelah diberitahu kepada bapa terlebih dahulu. Walaupun kadang kala terdapat kes di mana kemahuan anak-anak dihalang namun ibu bertindak membela anak-anak dan cuba mempengaruhi keputusan yang telah dibuat. Kadang kala ibu bertindak melaksanakan hasrat anak-anak tanpa pengetahuan suaminya.

Contoh kes:

Aziz meminta kebenaran bapa melalui ibunya untuk menyertai kawan-kawan menyaksikan perlawanan akhir bola sepak di Kuala Lumpur. Bapanya enggan memberi kebenaran dengan alasan tujuannya itu adalah membazir. Ibu bukan sahaja berjaya memujuk bapa melepaskan Aziz pergi, malah turut memberi wang untuk perbelanjaan tanpa pengetahuan bapa.

Sementara itu, hubungan di antara bapa dengan anak lebih bersifat formal, tegas dan serius. Seorang bapa jarang merealisasikan kemanjaan terhadap anak-anak mereka yang telah remaja. Mereka jarang dilihat bergurau atau menyentuh anak-anak, sedangkan boleh berbuat demikian semasa anak-anak masih kecil. Ini disebabkan pada peringkat budak, anak-anak banyak mendampingi ibu, sedangkan bapa dilihat sebagai ketua keluarga yang mempunyai kewibawaan dan kekuasaan dalam keluarga yang memerlukan anak-anak mentaati dan menghormati mereka. Kompleks hormat yang meliputi perasaan takut, malu dan segan makin ketara apabila anak-anak meningkat remaja. Situasi begini juga ditemui oleh Geertz dalam masyarakat Jawa, di Modjokuto (Geertz; 1961: 111). Menurut Yaacob Harun;

"Di antara bapa dengan anak-anak misalnya wujud seolah-olah jarak sosial yang memisahkan mereka untuk berinteraksi dan bergaul dengan lebih mesra seperti pada masa anak-anak masih kecil".

(1990: 41)

Komunikasi antara bapa dengan anak kurang berlaku disebabkan oleh faktor keseganan. Fenomena ini lebih ketara berlaku pada anak perempuan. Hubungan bapa dengan anak perempuan hampir-hampir tersisih kerana dikongkong oleh nilai hormat yang tinggi. Bapa hanya berkomunikasi dengan anak-anak pada waktu-waktu tertentu dan melibatkan perkara-perkara penting dan perlu sahaja. Anak jarang dilihat berbual atau bergurau, tetapi bertemu hanya untuk memberitahu sesuatu atau ketika dipanggil untuk menerima arahan dan teguran sahaja.

Anak perempuan jarang dilihat berjalan bersama atau duduk berbual dengan bapanya, apatah lagi tinggal berduaan di rumah tanpa orang lain di rumah, kerana masyarakat akan memandang serong dan menganggapnya sebagai tidak manis (Yaacob Harun; 1990: 44). Anak perempuan juga jarang disuruh oleh bapa untuk melakukan sesuatu melainkan mengharapkan anak mengetahui sendiri tanggungjawabnya.

Semasa di peringkat budak, bapa sering dilihat bermain dan bergurau dengan anak-anak, membawa anak-anak bersiar-siar (bawa jalan) terutama anak yang sudah pandai berjalan. Anak yang telah bersekolah juga masih dibawa oleh bapa jika melibatkan urusan di luar lingkungan rumah seperti membawa anak ke laut semasa cuti persekolahan, ke

bandar untuk urusan tertentu seperti membuat kad pengenalan, mengunting rambut atau mendapat rawatan kesihatan di bandar. Keadaan sebegini, tidak berlaku ketika anak telah meningkat remaja. Kebanyakkan hal yang melibatkan urusan anak-anak diatur dan dikendalikan sendiri oleh anak-anak atau dengan rakan sebaya mereka.

Bapa juga enggan memberitahu atau meminta pertolongan anak-anak dalam melakukan urusannya. Mereka lebih selesa melakukan sendiri, tanpa menganggu anak-anak. Anak lelaki yang sudah besar, jarang disuruh untuk melakukan tugas-tugas yang pernah dilakukan semasa anak-anak masih kecil. Sebaliknya tugas-tugas ringan seperti mengambil sesuatu benda, pergi ke kedai, memicit dan memijak badan atau mencabut uban hanya dibebankan kepada adik-adik yang masih kecil. Bapa hanya akan menyuruh anak melakukan tugas-tugas yang tidak dapat dilakukan oleh adik-adik yang masih kecil atau kerja yang tidak dapat dilakukan sendiri.

Contoh kes:

Taufik, yang berusia 20 tahun jarang disuruh oleh bapanya untuk melakukan tugas-tugas di rumah tambahan pula kerja-kerja tersebut mampu dilakukan sendiri atau dengan pertolongan adiknya. Dia hanya sesekali disuruh melakukan tugas-tugas yang memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi seperti mengangkat barang-barang yang berat

atau mengubah dan mengikat sampan ketika angin kencang, iaitu di waktu bapanya tidak mempunyai kesempatan dan kemampuan untuk melakukan sendiri. Jika bapanya mempunyai kesempatan dan keupayaan untuk melakukan sendiri dia tidak disuruh membantu kecuali bantuan itu datangnya dari kesediaan dan kesedarannya untuk membantu. Taufik lebih kerap disuruh oleh ibu untuk membantu bapanya.

Komunikasi di antara bapa dengan anak lelaki lebih banyak berlaku jika dibandingkan dengan hubungan bapa dengan anak perempuan. Walaupun begitu jarang ditemui hubungan yang senang dan bebas berlaku di antara ayah dengan anak lelaki. Bentuk hubungan bapa yang bersifat formal dilihat oleh orang lain sebagai garang. Menjadi sesuatu yang istimewa apabila bapa dan anak menunjukkan hubungan yang mudah dan mesra.

Contoh kes:

Taha mempunyai 3 orang anak lelaki yang telah meningkat remaja. Dia sering dilihat berkomunikasi dan bergurau dengan anak-anaknya. Mereka bukan sahaja bersama ketika turun ke laut, malah selalu dilihat minum bersama-sama di kedai kopi sama ada di sebelah pagi, petang atau malam hari. Mereka bergurau dan berbual bebas di khalayak ramai dan bermain sepak raga bulatan bersama remaja dan orang dewasa lain setiap petang. Pernah saya melihat, beliau meminta wang daripada anak-anaknya di hadapan orang ramai untuk membeli sesuatu kerana wang yang dibawanya tidak mencukupi. Fenomena ini dilihat oleh masyarakat sebagai bentuk hubungan yang istimewa. Hubungan mereka dilihat oleh masyarakat tidak ubah seperti hubungan kawan atau hubungan abang

dengan adik. Walaupun begitu, nilai hormat anak-anak terhadap bapanya tetap tinggi. Anak-anak tetap patuh dan taat dengan keputusan bapa. Anak Taha yang sulong memberitahu saya bahawa hasratnya untuk bekerja sebagai pembantu kedai makanan di Pulau Langkawi tidak dipersetujui oleh bapanya. Oleh itu dia terpaksa akur dengan keputusan bapanya.

Anak mudah menjalinkan hubungan yang mesra dengan kebanyakan orang dewasa tetapi tidak dengan bapanya.

Contoh kes:

Fauzi sering dilihat berkumpul, berbual dan bergurau dengan beberapa orang dewasa yang telah biasa dengannya. Walau bagaimanapun, Fauzi berhenti daripada berbual dan bergurau apabila menyedari kehadiran bapanya, sebaliknya hanya berdiam diri mendengar perbualan mereka atau mencari helah untuk segera beredar dari situ. Fauzi merasa segan dan tidak selesa untuk terus menyertai mereka tambahan pula untuk menyampok perbualan orang dewasa di mana pada masa yang sama bapanya berada di situ.

Fenomena yang sama juga berlaku kepada seorang bapa. Seorang bapa boleh berbual bebas dan bergurau senda dengan remaja lelaki lain tetapi bukan dengan anak lelakinya. Anak lelaki seolah-olah cuba mengelak untuk bersama orang dewasa lain jika dilihat bapanya ada bersama di situ. Keadaan ini bukan hanya dikesan dalam hubungan anak dengan bapa ketika di khalayak ramai tetapi

juga melibatkan hubungan anak dengan orang dewasa yang menjalankan hubungan formal dengan mereka atau orang dewasa yang disegani dan tidak biasa dengan mereka.

Sementara itu hubungan anak-anak dengan saudara mara masih berdasarkan sistem pangkat. Saudara yang berada pada peringkat yang lebih tinggi perlu dihormati dengan sistem panggilan dan tingkah laku sementara mereka pula bertanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar dan menegur serta menunjukkan contoh tauladan yang baik. Walau bagaimanapun, bagi saudara yang sama umur atau sebaya, kadang kala tidak menggunakan istilah sapaan yang betul mengikut sistem pangkat, sebaliknya memanggil dengan nama sahaja.

Hubungan dengan saudara mara, sama ada yang berada di pangkat yang lebih tinggi atau pangkat yang lebih rendah adalah bebas, mudah dan mesra tetapi atas dasar hormat yang tinggi. Lazimnya, anak remaja lebih rapat dan kerap berkomunikasi dengan saudara mara yang tinggal dalam kawasan yang sama, kerana mereka lebih kerap bertemu.

Hubungan dengan saudara mara, sama ada saudara yang berada pada susunan pangkat yang lebih tinggi atau pangkat yang lebih rendah turut ditentukan oleh faktor

keseganan. Seperti hubungan anak dengan bapa atau orang dewasa yang disegani. Biasanya anak remaja lebih rapat dan kerap berkomunikasi, tiada perasaan segan untuk berbual dan meminta nasihat dengan saudara yang sudah biasa dengan mereka walaupun tinggal berjauhan. Lazimnya mereka lebih rapat dan kerap berkomunikasi dengan saudara mara yang tinggal dalam kawasan yang sama kerana mereka lebih kerap bertemu. Hubungan keseganan wujud apabila mereka berinteraksi dengan saudara yang disegani, tidak disenangi atau tidak biasa dengan mereka. Dalam kes sebegini hubungan bersifat formal lebih kerap berlaku. Mereka hanya berkomunikasi dengan saudara mara ketika perlu dan melibatkan perkara-perkara penting sahaja atau menjawab ketika di soal sahaja. Kadang kala mereka cuba mengelak daripada bertemu dan berkomunikasi kerana perasaan tidak selesa atau langsung tidak mengambil tahu hal saudara mara mereka. Dalam hal-hal sebegini, ibu bapa bertindak sebagai perantara yang berusaha menghubungkan anak-anak dengan saudara mara mereka.